

KONSEP KEPENGGUNAAN MENGIKUT SYARIAH DAN APLIKASINYA DALAM PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Noor 'Ashikin Hamid
shikin@udm.edu.my

Nur Amani Pauzai
nuramani@unisza.edu.my

Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong
aishah@udm.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Abstrak

Menurut syariah, pengguna diberi kebebasan sepenuhnya dalam menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk mendapat kesejahteraan hidup, namun tertakluk kepada adab dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Makalah ini membincangkan beberapa konsep kepenggunaan mengikut adab dan peraturan yang ditetapkan oleh syariah dan melihat sejauh mana aplikasinya dalam perundangan Malaysia. Menerusi perbincangan ini, diharapkan suatu rumusan dapat diambil supaya kelemahan yang wujud dalam perundangan masa kini diperbaiki dan dengan itu keadilan sosial dapat dicapai.

Kata kunci: Pengguna, barangan, perkhidmatan, syariah, perundangan.

Abstract

The sharia deems that although a consumer has the freedom to utilize and enjoy goods and services in the pursuit of worldly happiness, such freedom is always subject to the rules of Allah. This article seeks to firstly, discuss several concept of consumerism under the sharia and secondly, to examine the extent of its application in the context of Malaysia law. Finally, this article hopes to arrive at are solution to address any weaknesses in the existing laws in order to attain social justice for all.

Keywords: User, goods, services, sharia, laws.

PENDAHULUAN

Secara ringkasnya pengguna didefinisikan sebagai setiap orang yang mendapatkan barangan dan perkhidmatan daripada pasaran untuk kegunaan dirinya dan keluarganya. Menurut John F. Kennedy, dari segi istilah,

pengguna merangkumi kita semua. Mereka merupakan kumpulan ekonomi terbesar yang menerima dan memberi kesan dalam hampir setiap keputusan ekonomi yang dibuat. Namun mereka adalah satu-satunya kumpulan penting yang pandangannya jarang-jarang didengar.¹ Ada pendapat yang tidak menggolongkan semua manusia sebagai pengguna. Tarr menyatakan pengguna sebagai seseorang yang dibekalkan dengan barangan, perkhidmatan atau kredit mahupun seseorang yang akan dibekalkan dengan barangan, perkhidmatan atau kredit oleh seseorang yang mengusahakan sesuatu perniagaan.² Definisi lain menyatakan bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan dalam masyarakat adalah pengguna. Setiap insan adalah pengguna yang memerlukan barangan, perkhidmatan atau kurniaan alam semula jadi. Atas dasar itu, pengguna adalah dasar segala kegiatan ekonomi”³

Takrifan pengguna mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 ialah seseorang yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah; dan tidak memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, terutamanya bagi maksud membekalkannya semula secara perdagangan; menggunakannya dalam perjalanan suatu proses pengilangan; atau dalam hal barang, membaiki atau mengolah secara perdagangan, barang lain atau lekapan pada tanah.⁴ Oleh itu, mengikut akta ini pengguna adalah individu yang terlibat dengan pembelian barangan atau perkhidmatan bagi kegunaan sendiri atau keluarga; dan bukan pembeli yang membeli barangan atau perkhidmatan untuk tujuan perniagaan.

Dalam syariah, perkataan pengguna tidak dirujuk secara langsung dalam al-Quran. Tetapi perkataan yang mengandungi perintah seperti belanjalah, makanlah, pakailah, berikanlah, dan tinggallah adalah merujuk kepada kepenggunaan kerana Allah menyuruh menggunakan sesuatu benda atau perkara yang diamanahkan oleh Allah. Mengikut syariah, pengguna diberi kebebasan sepenuhnya dalam menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk mendapatkan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup. Allah berfirman yang maksudnya: “ ... Dan apa-apa jua yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlainan jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan

- 1 Mohd. Hamdan Hj. Adnan, 1987. *Kepenggunaan*. ITM: Biroteks.
- 2 Tarr, “Consumer Protection and the Market Place” dlm. 5 *Otago Law Review*, hlm. 397, 1984.
- 3 Tun Dr. Mahathir Mohamed telah memberi satu definisi “pengguna” dalam ucapannya semasa merasmikan majlis sempena Hari Pengguna Sedunia Tahun 1992, dipetik daripada laman web [http://www.sabah.orgmy//bm/konsumer/panduan pebgguna/hak pengguna.asp](http://www.sabah.orgmy//bm/konsumer/panduan%20pebgguna/hak%20pengguna.asp).
- 4 Seksyen 3 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu.”⁵ Daripada ayat ini, Allah menyuruh manusia menggunakan nikmat yang diberikan-Nya mengikut keperluan. Namun, ini bukan bererti kita boleh menggunakan nikmat tersebut sesuka hati. Islam mengajar dan membimbing manusia menggunakan nikmat tersebut dengan cara yang betul, sah dan halal menurut adab dan peraturan yang telah ditetapkan-Nya.

Dalam Islam, terdapat tiga tingkat keutamaan penggunaan⁶ iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat*, dan *tahsiniyyat*. *Daruriyyat* adalah keperluan bagi perkara asas termasuk keperluan kepada makanan, pakaian, dan tempat tinggal. *Hajiyyat* ialah keperluan bagi keselesaan dan kemudahan seperti menikmati makanan, pakaian, tempat tinggal, dan kenderaan yang lebih baik jika seseorang berkemampuan. Namun begitu, ketiadaannya tidak menjejaskan kehidupan individu. *Tahsiniyyat* pula ialah keperluan kepada kemewahan yang pada kebiasaannya melibatkan pengumpulan terhadap harta kekayaan yang tidak boleh diperoleh oleh golongan *daruriyyat*. Contohnya, penggunaan perhiasan yang mahal seperti barang kemas, kereta mewah dan sebagainya.

Tingkat keutamaan penggunaan ini bertujuan untuk memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda (*maqasid al-shariah*). Implikasi daripada tingkat keutamaan penggunaan dalam Islam akan menjadikan seorang Muslim sebagai pengguna yang “berfikir sebelum membeli”; Adakah barang yang hendak dibeli penting atau mungkin ada barang lain yang lebih penting? Dengan kesedaran ini, maka tidaklah seorang Islam menjadi pengguna yang “buy as we go” iaitu membeli apa-apa sahaja yang berkenan di hati. Pada dasarnya tiada salahnya berbelanja atas barang *tahsiniyyat* selagi tidak berlebih-lebihan kerana Islam menggalakkan umatnya mencapai kehidupan yang baik.

KONSEP HAK MENURUT ISLAM

Menurut istilah bahasa Arab, hak bermaksud “sabit dan wajib”. Sarjana Islam, Profesor Mustafa al-Zarqa’, mendefinisikan hak sebagai bidang kuasa yang diakui syarak sebagai mempunyai suatu kekuasaan atau tanggungjawab.⁷ Definisi ini bersifat umum yang merangkumi semua hak termasuk hak agama seperti sembahyang dan puasa, hak sivil seperti hak memiliki, hak moral seperti hak ketaatan anak kepada ayah, hak umum seperti hak kerajaan memperoleh kesetiaan rakyat dan hak harta seperti nafkah.

5 Al-Nahl: 13.

6 Rohani Abd. Rahim, 1992. “Konsep Syariah dan Undang-undang Mengenai Kepenggunaan.” Kertas Kerja Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia. Pusat Islam, Kuala Lumpur. 16–17 Mei 1992.

7 Wahbah al-Zuhaily, 1995. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan oleh Md. Akhir Haji Yaacob, hlm. 6–7.

Kesimpulannya, hak dalam Islam adalah kurniaan Allah yang bersandarkan sumber hukum syarak. Sumber hak ialah Allah dan bukannya semula jadi atau akal manusia. Hak yang diberikan tidak mutlak tetapi mempunyai batasan tertentu iaitu pengguna hak perlu menjaga kepentingan orang lain dan tidak menimbulkan kemudaratan kepada kepentingan orang ramai.

Hak mempunyai dua rukun, iaitu pemilik hak (orang yang berhak) dan tempat hak (sesuatu di mana hak bergantung dengannya). Pemilik hak dalam hal keagamaan adalah Allah, manakala dalam hal-hal lain pemilik hak terdiri daripada manusia atau syarikat dan institusi.⁸

Hak dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hak dari sudut pemilik dan hak dari sudut tempat. Hak dari sudut pemilik terbahagi kepada tiga iaitu hak Allah, hak manusia, dan hak bersama.⁹ Hak Allah merujuk kepada ibadah seperti sembahyang, puasa, haji, zakat, dan hukuman hudud dalam jenayah. Hak manusia pula merujuk kepada hak memelihara kepentingan seseorang sama ada bersifat umum seperti memelihara kesihatan, mewujudkan keamanan, dan menikmati tempat umum milik negara atau bersifat khusus seperti hak tuan punya pada barang miliknya, hak penjual pada harga dan hak pembeli pada barang jualan. Sementara itu, hak bersama merujuk kepada hak yang berkumpul antara hak Allah dengan manusia seperti idah perempuan yang dicerai dan hak qisas.

Hak dari sudut tempat pula terbahagi kepada hak harta dan bukan harta, hak syakhsi dan *'aini* serta hak mujarad dan tidak mujarad.¹⁰ Hak harta merujuk kepada setiap yang berkaitan dengan harta benda dan manfaat seperti hak penjual pada harga, hak pembeli pada barang, dan hak penyewa pada kediaman, manakala hak bukan harta merangkumi hak qisas, hak penjagaan anak dan sebagainya. Hak syakhsi terdiri daripada tiga unsur iaitu pemilik hak, tempat hak dan *mukallaf* (penghutang) manakala hak *'aini* terdiri daripada dua unsur sahaja iaitu pemilik hak dan tempat hak. Perkara ini adalah sesuatu yang diakui syarak bagi seseorang atas sesuatu yang tertentu seperti hak pemilikan, iaitu pemilik bebas mengurus dan melabur hartanya serta hak pemanfaatan seperti hak lalu lintas dan hak menahan barang gadaian untuk menjelaskan hutang. Hak mujarad ialah hak yang tidak meninggalkan kesan dengan sebab penarikan diri seperti hak berhutang dan hak *syufah*, manakala hak bukan mujarad ialah keadaan yang sebaliknya seperti hak qisas.

Sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu, syarak adalah sumber utama bagi hak-hak dalam Islam. Walau bagaimanapun, kadang-kadang syarak menimbulkan hak secara langsung tanpa terhenti kepada sebab

8 *Ibid*, hlm. 9.

9 *Ibid*, hlm. 12.

10 *Ibid*, hlm. 18.

yang lain seperti perintah melakukan ibadah, melarang melakukan jenayah, dan mengharuskan rezeki yang baik. Kadangkala, syarak menimbulkan hak berdasarkan sebab-sebab lain yang dilakukan oleh manusia seperti perkahwinan menimbulkan hak nafkah isteri. Jual beli pula menimbulkan hak penjual pada harga dan hak pembeli pada barang. Oleh itu, sumber hak terbahagi kepada lima iaitu syarak, *'aqad*, kemahuan, perbuatan berfaedah dan perbuatan memudaratkan. Dalam konteks ini, Dr. Sanhuri mengatakan bahawa sumber-sumber hak dalam *fiqh* Islam boleh dikembalikan kepada dua sumber seperti dalam *fiqh* Barat dan undang-undang sekular, iaitu *tasarruf* (pengurusan) dan kejadian undang-undang (perbuatan memudaratkan dan memanfaatkan).¹¹

Dalam Islam, penunaian hak perlu dilakukan secara adil dan tidak boleh ditambah ke atasnya. Sebagai contoh, sekiranya hak itu diketahui jenis dan ditetapkan kadarnya seperti harga rumah dan sewa rumah tersebut, maka tidak harus ditambah ke atasnya dalam penunaian. Sekiranya hak itu tidak ditetapkan jenis dan kadarnya, maka hendaklah ditunaikan secara sederhana menurut pandangan manusia. Walaupun penunaian hak perlu dilakukan dengan sempurna, pemilik hak dalam situasi tertentu digalakkan untuk bertolak ansur seperti apabila penghutang berada dalam kesempitan atau dalam kes penarikan diri daripada hak qisas.

Kesimpulannya, Islam menjaga semua jenis hak sama ada keagamaan, sivil, khusus atau umum dengan menghormati hak bagi pemiliknya dan tidak mencerooboh serta menghukum orang yang mencerooboh dengan membawanya ke muka pengadilan. Manusia perlu menggunakan haknya selari dengan apa-apa yang diperintahkan dan dibenarkan oleh syarak. Manusia tidak boleh menggunakan haknya yang boleh memudaratkan orang lain, tidak boleh membazir atau merosakkan harta benda kerana dilarang oleh syarak. Hak pemilikan mengharuskan manusia membina dalam miliknya apa-apa jua yang dikehendakinya, tetapi tidak boleh sebagai contohnya membina binaan yang menghalang cahaya dan udara daripada sampai ke jirannya. Tindakan penyalahgunaan hak dikenali sebagai "*ta'assuf*". Antara dalil yang menunjukkan pengharaman *ta'assuf* termasuklah firman Allah yang bermaksud: "... pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya, wasiat tersebut hendaklah tidak mendatangkan mudarat (kepada waris)... ." ¹² Di sini, Allah melarang wasiat yang memudaratkan waris seperti berwasiat kepada salah seorang waris atau melebihi 1/3 harta.

11 *Ibid*, hlm. 12.

12 An-Nisa': 12.

ADAB DAN PERATURAN KEPENGGUNAAN MENGIKUT ISLAM

Antara adab dan peraturan kepenggunaan yang ditetapkan oleh Islam ialah pertama, adab dan peraturan untuk menjaga kebersihan dan menggunakan barangan yang suci. Dalam konteks ini, Allah berfirman yang bermaksud: “Hai orang yang beriman! Apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai di siku, dan sapulah kepalamu dan basuh kakimu sampai kedua-dua mata kaki, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang suci; sapulah muka dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu supaya kamu bersyukur.”¹³

Kedua, adab dan peraturan untuk menggunakan barangan dan perkhidmatan secara halal. Antara ayat-ayat Quran yang menjelaskan konsep halal adalah seperti yang berikut:

“Hai orang yang beriman! Sesungguhnya meminum arak, berjudi, korban untuk berhala dan menenung nasib adalah perbuatan keji yang termasuk dalam perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan itu agar kamu mendapat keuntungan.”¹⁴ “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang ketika disembelih disebut nama selain Allah.”¹⁵ “Katakan, tidaklah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain nama Allah.”¹⁶ “Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman.”¹⁷

Daripada ayat di atas, jelas bahawa Islam hanya membenarkan penggunaan barangan dan perkhidmatan yang halal sahaja. Dari sinilah lahirnya falsafah kepenggunaan yang menekankan konsep “*halalan tayyiba*” yang perlu dijadikan asas bagi mengukuhkan ekonomi ummah. Konsep ini bukan sahaja boleh diguna pakai ke atas orang Islam tetapi juga kepada seluruh masyarakat secara amnya, kerana barangan yang baik dan bersih merupakan keperluan setiap orang.

Ketiga, adab dan peraturan menghalang unsur riba dalam penggunaan barangan dan perkhidmatan. Allah menegah kegiatan riba kerana terdapat

13 Al-Maidah: 6.

14 Al-Maidah: 90.

15 Al-Baqarah: 173.

16 Al-An'am: 145.

17 Al-Maidah: 88.

unsur pemerasan terhadap orang yang lemah. Antaranya, yang bermaksud: “Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan syaitan itu.”¹⁸ “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.”¹⁹ Dalam Riwayat Muslim, Rasulullah SAW mengeji sebarang amalan berunsurkan riba. Beliau bersabda bahawa Allah melaknat pemakan riba, wakilnya, penulisnya, dan dua orang saksi yang kesemua mereka itu sama sahaja.

Keempat, adab dan peraturan menggunakan barangan dan perkhidmatan secara bersederhana. Seseorang pengguna dianggap bersederhana apabila tidak bersikap bakhil. Seseorang dikatakan bakhil apabila tidak membelanjakan kekayaan untuk diri dan keluarga mengikut sumber pencariannya atau seseorang yang tidak membelanjakan apa-apa untuk tujuan kebajikan atau kebaikan.²⁰ Allah melarang perbuatan bakhil dalam firman-Nya yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan dirinya, iaitu orang yang kikir dan menyuruh orang lain berbuat kikir dan menyembunyikan kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada mereka.”²¹ Seseorang itu dianggap bersederhana apabila tidak boros atau keterlaluan dalam penggunaan. Keterlaluan atau boros dalam penggunaan bermakna seseorang yang membelanjakan kekayaan terhadap barangan yang diharamkan seperti arak, berjudi dan sebagainya; atau seseorang yang membelanjakan kekayaan secara keterlaluan untuk barangan yang halal walaupun ada kemampuan; atau seseorang yang membelanjakan kekayaan untuk tujuan kebajikan dan kebaikan tetapi hanya untuk dipamerkan atau menunjuk-nunjuk sahaja.²² Perbuatan tersebut ditegah oleh Islam. Allah berfirman yang bermaksud: “Dan berikanlah kepada keluarga yang dekat haknya, kepada orang miskin dan orang dalam perjalanan; dan janganlah kamu menghambur-hambur (hartamu) secara boros. Sesungguhnya pemboros adalah saudara syaitan dan syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya.”²³ Prinsip kesederhanaan amat digalakkan dalam Islam. Allah berfirman yang bermaksud: “Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (perbelanjaan itu) ditengah-tengah di antara demikian.”²⁴

18 Al-Baqarah: 275.

19 Al-Baqarah: 278.

20 Afzalur Rahman, 1982. *Muhammad Encyclopaedia of Seerah*. Jilid II. The Muslim Trust Schools Trust, hlm. 474.

21 An Nisa: 36–37.

22 *Muhamad Encyclopedia of Seerah*, hlm. 477.

23 Al-Israa': 26–27.

24 Al-Furqan: 67.

Kelima, adab dan peraturan menghalang memberi maklumat palsu. Dalam konteks penggunaan, hal ini bermaksud bahawa sebarang iklan yang dipaparkan hendaklah benar. Dalam konteks promosi, pemasaran ataupun keterangan sama ada dari segi jumlah, mutu, spesifikasi, paten, dan harga hendaklah bebas daripada penipuan atau pujukan untuk membeli sesuatu yang bukan keperluan, atau menyampaikan kepada pengguna maklumat yang mengelirukan mengenainya. Allah berfirman yang bermaksud: “Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang bertabiat berdusta.”²⁵ Firman-Nya lagi: “Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya. Mereka hanya mendapat sedikit kesenangan (di dunia) dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”²⁶ Dalam Riwayat Bukhari, Rasulullah bersabda: “Sumpah palsu memberi manfaat kepada barangan tetapi menghapuskan keberkatannya.”

Keenam, adab dan peraturan melarang umatnya daripada melakukan ihtikar iaitu menyorok barang-barang keperluan. Tindakan ini dilakukan dengan menyorok barangan tersebut dan dijual pada harga tinggi ketika pengguna memerlukannya. Dalam Riwayat Razin, Rasulullah SAW melarang perbuatan penyorokan barang: “Sejelic-jelic manusia ialah orang yang suka menimbun; jika dia mendengar harga murah, berasa kecewa dan seandainya mendengar harga naik akan berasa gembira.” Dalam Riwayat Ahmad, Hakim, Ibnu Syaibah dan Bazzar pula Baginda bersabda: “Barang siapa menyorok bahan makanan selama 40 malam, maka sesungguhnya Allah tidak lagi perlu kepadanya.”

Ketujuh, adab dan peraturan Islam menggalakkan manusia memelihara sumber semula jadi bagi menjamin kepentingan diri dan masyarakat. Allah berfirman yang bermaksud: “Dialah (Allah) yang menurunkan air dari langit yang sebahagiannya untuk minuman dan yang sebahagiannya untuk tumbuhan di mana kamu boleh berternak.”²⁷ Ayat ini menggesa manusia memelihara alam sekitar dengan mengamalkan penggunaan mapan dan gaya hidup yang lestari. Rasulullah SAW pernah bersabda dalam hadis Riwayat Muslim yang bermaksud: “Dunia ini hijau dan cantik, dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa-apa yang kamu lakukan.” Oleh sebab itu, sebarang bentuk pencabulan atau kerosakan terhadap alam sekitar sangat dikeji oleh Allah SWT. Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud: “Telah kelihatan kerosakan di daratan dan di lautan disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”²⁸

28 Ar-Rum: 41.

25 Al-Nahl: 105.

26 Al-Nahl: 116-117.

27 Al-Nahl: 10.

APLIKASI KONSEP HAK, ADAB DAN PERATURAN ISLAM DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA

Pada masa ini, lapan hak asasi pengguna telah diterima secara universal. Selain mengiktiraf 15 Mac sebagai Hari Hak-hak Pengguna Sedunia, aspek-aspek hak asasi pengguna ini diambil kira apabila negara menggubal, meminda atau mengkaji semula sesuatu undang-undang yang mempunyai hubung kait dengan pengguna. Pada peringkat awalnya, dalam tahun 1962, J. F. Kennedy²⁹ sebagai Presiden Amerika Syarikat hanya mengisytiharkan empat hak asasi pengguna, iaitu hak untuk mendapat keselamatan, hak untuk mendapat maklumat, hak untuk membuat pilihan, dan hak untuk menyuarakan pendapat. Namun begitu kemudiannya,³⁰ di samping mengiktiraf hak-hak asasi pengguna yang telah diisytiharkan oleh J. F. Kennedy, *Consumers International*³¹ telah mengenal pasti empat lagi hak asasi pengguna iaitu hak untuk mendapat keperluan asas, hak untuk mendapat ganti rugi, hak untuk mendapat pendidikan pengguna, dan hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat.

Perundangan Malaysia telah menyokong hak-hak pengguna seperti yang digariskan oleh *Consumers International* dan Garis Panduan Perlindungan Pengguna Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh yang demikian, pengguna di Malaysia mempunyai lapan hak pengguna, iaitu hak mendapat keselamatan, hak mendapat informasi, hak membuat pilihan, hak mendapat ganti rugi, hak mendapat pendengaran, hak mendapatkan keperluan asas, hak mendapat alam sekitar yang sihat, dan hak mendapat pendidikan pengguna.

Perbandingan dengan hak-hak pengguna di bawah syariah memaparkan bahawa hak-hak asasi yang diguna pakai secara global tersebut sebenarnya diiktiraf dan telah lama wujud dalam Islam. Walaupun secara dasarnya konsep hak dalam Islam yang bersumberkan Allah dan tidak boleh melangkaui batasan yang ditetapkan oleh syarak berbeza daripada hak di bawah undang-undang sivil, konsep hak dalam Islam yang mengharamkan penyalahgunaan hak (*ta'assuf*) sesuai diimplimentasikan dalam acuan perundangan sivil di Malaysia, malah adab dan peraturan Islam sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini didapati telah dilaksanakan dalam perundangan di Malaysia seperti yang berikut:

Pertama, hak yang paling penting ialah hak mendapatkan keperluan asas barangan dan perkhidmatan bagi meneruskan kehidupan seperti makanan yang mencukupi, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, dan sanitasi.

29 Carian daripada laman web <http://www.consumersinternational.org/who-we-are/consumer-rights>.

30 *Ibid.*

31 *Ibid.*

Hak ini jelas merujuk kepada penggunaan *daruriyyat* dalam Islam. Bagi menjamin hak pengguna berhubung makanan yang mencukupi, selamat dan harga yang berpatutan, Malaysia telah menggubal beberapa undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Timbang Sukat 1972, Akta Makanan 1983, dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Akta Kawalan Bekalan 1961 memperuntukkan kuasa menetapkan barang-barang kawalan bagi tujuan pemantauan dan pengawalan di pasaran. Akta ini bertujuan memastikan bekalan barangan tidak didominasi oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, memastikan bekalan sentiasa mencukupi di pasaran dan menghukum pihak yang terbabit dalam aktiviti menyorok barangan keperluan. Bagi melindungi pengguna daripada penipuan pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab pula, Akta Pemaju Perumahan (Mengawal dan Melesen) yang digubal (kemudiannya dipinda sebagai Akta Pembangunan Perumahan 2001) memperuntukkan penubuhan Tribunal Pembeli Rumah bagi melindungi pengguna. Di samping itu, Akta Kawalan Harga 1946 menyediakan peruntukan bagi penandaan harga, perlabelan serta penetapan harga maksimum bagi barangan dan perkhidmatan. Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut, peniaga tidak dapat meletakkan harga sewenang-wenangnya, seterusnya menghalang peniaga daripada mendapat untung berlebihan. Peniaga dimestikan mematuhi Peraturan Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 yang mewajibkan meletakkan tanda harga.

Kedua, pengguna juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada pemasaran barangan atau perkhidmatan yang boleh memudaratkan kesihatan dan kehidupan. Dalam konteks ini, Islam menekankan adab dan peraturan untuk menjaga kebersihan dan menggunakan barangan yang suci. Bagi tujuan melindungi pengguna daripada amalan yang memudaratkan seperti penggunaan pelbagai bahan kimia dalam makanan, racun perosak atau ubat-ubatan, tembakau, kenderaan bermotor, dan lambakan barangan bahaya dari bandar ke desa atau dari negara luar ke dalam negara, kerajaan telah meluluskan Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Akta Racun Mahkluk Perosak 1974. Selain itu, bagi memastikan semua ubatan di pasaran selamat dan mujarab, Parlimen meluluskan Akta Pendaftaran Farmasi 1951, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956. Setiap ubat yang dijual di Malaysia perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan dan hanya boleh diiklankan dengan kebenaran kementerian. Bagi mengurangkan kadar kecelakaan pula, beberapa undang-undang telah digubal termasuk Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Komponen kenderaan seperti cermin, brek, lampu, topi keledar dan sebagainya perlu mempunyai tanda MS atau piawaian lain bagi menjamin kualiti barangan tersebut.

Ketiga, hak untuk menggunakan barangan dan perkhidmatan secara halal sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Malaysia mempunyai beberapa peruntukan yang berkait dengan konsep halal seperti yang terkandung dalam Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Memandangkan logo halal merupakan salah satu daripada perihal dagangan terhadap produk makanan, minuman, premis ataupun rumah sembelihan, maka Akta Perihal Dagangan 1972 memberi kuasa untuk mensabitkan seseorang bagi kesalahan memberi pernyataan palsu mengenai kehalalan sesuatu barangan atau perkhidmatan. Akta ini diperkuatkan dengan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 iaitu perintah ini memberikan definisi terhadap istilah “ditanggung halal” atau “makanan untuk orang Islam”³² di samping Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 yang bertujuan mengelakkan penyalahgunaan perkataan halal pada makanan.

Keempat, pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan informasi, iaitu hak untuk diberitahu fakta-fakta yang perlu bagi memudahkan pengguna membuat pilihan. Dalam hal ini, Islam melarang sebarang pemberian maklumat palsu tentang jumlah, mutu, spesifikasi, paten, sukatan atau timbangan dan harga. Akta Perihal Dagangan 1972 digubal bagi melindungi pengguna daripada ditipu oleh pernyataan palsu dan mengelirukan tentang sesuatu barangan dan perkhidmatan. Iklan sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesedaran kepada pengguna dengan memberikan maklumat yang benar dan tepat tentang sesuatu produk. Peniaga mengadakan pelbagai jualan murah dan jualan mega kerana sikap pengguna yang suka berbelanja. Pelbagai taktik digunakan untuk menarik perhatian pengguna supaya membeli barang jualan mereka. Berdasarkan Akta Perihal Dagangan 1972 iaitu di bawah Peraturan Perihal Dagangan (Jualan Murah) 1997, pusat beli-belah dikehendaki memaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui notis untuk mengadakan jualan murah. Contohnya, setiap tahun, sebanyak lima jualan murah dibenarkan untuk pusat beli-belah, iaitu tiga kali mengikut tarikh dan jangka masa yang ditetapkan oleh Pengawal

32 Ditanggung halal atau makanan Islam bermaksud: tidak mengandungi apa-apa bahagian daripada binatang yang dilarang oleh hukum syarak; tidak mengandungi apa-apa benda yang ditakrifkan najis mengikut hukum syarak; tidak disediakan dan diproses di kilang dengan menggunakan apa-apa yang tidak bebas daripada najis mengikut hukum syarak; dan tidak dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpan itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak mematuhi perenggan (i), (ii) atau (iii) atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak.

Perihal Dagangan dan dua kali ditentukan oleh pusat beli-belah itu sendiri iaitu semasa jualan murah diadakan, 70 peratus daripada keseluruhan barang yang dijual di pusat beli-belah hendaklah diberikan potongan harga. Biarpun begitu, banyak aduan diterima daripada pengguna tentang pusat beli-belah yang melakukan penyelewengan semasa jualan murah, antaranya termasuklah harga yang sama sebelum dan semasa jualan murah. Disebabkan pelbagai unsur penipuan yang berlaku semasa jualan murah, maka KPDKK meminda Akta Perihal Dagangan 1972 bagi mengetatkan peraturan jualan murah. Dalam pindaan ini, peniaga yang ingin mengadakan jualan murah diwajibkan menyenaraikan harga lama dan harga jualan murah, sebelum lesen jualan murah dikeluarkan.

Kelima, pengguna juga berhak untuk mendapat pampasan yang adil dan berpatutan, terutamanya apabila barangan atau alatan yang dibeli tidak seperti yang dijanjikan, mengalami kecacatan atau tidak berfungsi seperti yang sepatutnya. Hak untuk mendapat ganti rugi juga harus diberikan kepada mereka yang membeli barangan atau mendapat perkhidmatan melalui suatu maklumat yang mengelirukan atau palsu. Hak ini didapati selari dengan adab dan peraturan syariah yang menghalang pemberian maklumat palsu. Di Malaysia, Akta Perlindungan Pengguna 1999 digubal bagi memperuntukkan penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna. Tribunal ini membolehkan pengguna membuat tuntutan bagi apa-apa kerugian yang dialami.

Keenam, hak untuk menikmati alam sekitar yang sihat dan selamat turut melibatkan usaha mendapatkan perlindungan daripada masalah persekitaran kerana persekitaran yang sihat dan selamat mampu meningkatkan mutu kehidupan pengguna. Adab dan peraturan Islam menggalakkan manusia supaya memelihara sumber semula jadi bagi menjamin kepentingan diri dan masyarakat. Sebagai langkah untuk memastikan bahawa alam sekitar tidak dicemari dan dimusnahkan melalui aktiviti projek berskala besar, kerajaan telah mewajibkan kajian impak alam sekitar atau "Environmental Impact Assessment (EIA)" diadakan. Peruntukan undang-undang EIA termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Perintah Kualiti Alam Sekeliling) (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1987). Akta ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Laporan Kajian Penilaian Alam Sekitar kebiasaannya disediakan oleh syarikat perunding alam sekitar yang dilantik oleh syarikat pemaju projek dan berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Walaupun negara sudah mempunyai Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang memberikan kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau dan menghukum, akta tersebut masih belum mencukupi untuk melindungi khazanah negara sepenuhnya. Bagi memastikan pemeliharaan Taman Negara dan suaka burung-burung dan hidupan liar serta ikan yang menghadapi bahaya kepupusan, kerajaan telah meluluskan beberapa akta seperti Akta Taman Negara 1980, Akta Perikanan 1985, Akta Perhutanan

1940 dan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1954. Namun akta-akta ini perlu diperkemas agar lebih efektif memandangkan sebahagian daripada mereka yang dicekup semasa aktiviti penguatkuasaan dijalankan adalah terdiri daripada pihak yang sama yang pernah disabitkan melakukan pencerobohan dan pembalakan haram. Mereka tidak pernah serik walaupun telah dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa atas kesalahan-kesalahan yang lalu. Jika hukuman berbentuk kompaun dan ganti rugi yang dikenakan dianggap ringan sehingga tidak mampu memberi pengajaran kepada mereka, maka amat wajar jika hukuman diperhalusi lagi agar benar-benar dapat memberi pengajaran dan mampu menghentikan aktiviti tersebut.

Ketujuh, inisiatif Bank Negara Malaysia (BNM) menggalakkan institusi kewangan menawarkan produk berlandaskan syariah berjaya memberikan alternatif kepada pelanggan Islam bagi menjauhkan diri daripada terjebak dengan amalan riba. Bukan sekadar itu sahaja, malah penyediaan infrastruktur perbankan yang canggih dan lengkap mempermudah khidmat perbankan Islam kepada rakyat. Pelbagai perkhidmatan seperti akaun simpanan biasa, akaun simpanan semasa, dan akaun simpanan tetap yang berlandaskan syariah sudah diperkenalkan di persada perbankan sejak 1983 lagi dengan terbentuknya Bank Islam (Malaysia) Berhad. Penggunaan akaun berkenaan diperluas kepada semua institusi kewangan apabila BNM memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada tahun 1993 disusuli dengan Skim Perbankan Islam (SPI) pada tahun 1997. Begitu juga skim Takaful di Malaysia adalah berlandaskan syariah Islam. Skim tersebut tidak melibatkan unsur-unsur seperti perjudian, ketidakpastian, dan riba.

ISU DAN CABARAN UNDANG-UNDANG PENGGUNA MALAYSIA

Di sebalik penggubalan peruntukan undang-undang yang merangkumi pelbagai aspek kepenggunaan di Malaysia, masih terdapat beberapa isu yang perlu diteliti dan diselesaikan agar hak pengguna dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya untuk menepati garis panduan syariah dan hak asasi pengguna. Beberapa cadangan diutarakan sebagai alternatif penyelesaian yang boleh dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan.

Pertama, Akta Persaingan 2010 dan pembentukan Suruhanjaya Persaingan³³ perlu memberikan tumpuan bukan sahaja kepada sektor swasta, malah sektor awam juga. Dalam melaksanakan Akta Persaingan ini, kerajaan juga perlu melihat kepada kegiatan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang kebanyakannya menjalankan perniagaan bersifat monopoli

33 Akta Persaingan 2010 Beri Kelebihan kepada Pengguna. Carian pada 30 September 2010 daripada laman web <http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/9.30/mstarberita/20100930134023&sec=mstarberita>.

seperti sektor pembekalan tenaga elektrik, telekomunikasi, bekalan air, dan sebagainya. Kerajaan perlu menyediakan perancangan secara berperingkat agar penguasaan secara monopoli oleh syarikat-syarikat ini dapat dipecahkan dan syarikat-syarikat lain yang ingin menyediakan perkhidmatan yang sama dibenarkan untuk beroperasi.

Hal ini memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih pihak yang dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Keahlian Suruhanjaya Persaingan pula hendaklah dianggotai oleh pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk wakil persatuan pengguna, persatuan pengilang, agensi kerajaan, ahli akademik, dan sebagainya yang mampu membuat pertimbangan sewajarnya dalam mengendalikan isu berkaitan amalan monopoli. Suruhanjaya ini patut diberikan kuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap mana-mana pihak yang mewujudkan pakatan atau terlibat dengan kegiatan perniagaan bersifat monopoli secara tegas dan tidak berpihak.³⁴

Kedua, falsafah kepenggunaan yang menekankan konsep "*halalan tayyiban*" perlulah diterapkan ke dalam sistem ekonomi negara terutamanya kepada pengeluar Islam. Hal yang demikian adalah kerana melalui konsep ini, kaedah pengeluaran perlu mengikut ciri-ciri tertentu seperti kebersihan, kesucian, dan mutu barangan. Halal semata-mata adalah tidak memadai kerana kemungkinan besar barangan dan perkhidmatan yang disediakan halal tetapi kurang baik kerana membahayakan kesihatan ataupun keselamatan. Oleh sebab terdapat pelbagai kaedah pengeluaran dibangunkan oleh pelbagai pihak, usaha untuk mengawal dan memantau kaedah pengeluaran barang terutamanya pengeluaran produk pemakanan haruslah dipantau. Konsep ini bukan hanya terpakai untuk orang Islam tetapi juga untuk seluruh ahli masyarakat kerana konsep ini menjamin kebersihan dan keselamatan sesuatu produk atau perkhidmatan. Walau bagaimanapun, beberapa peraturan berkaitan halal diletakkan di bawah bidang kuasa pelbagai pihak. Sebagai contoh, Akta Perihal Dagangan 1972 – Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal 1975) diletakkan di bawah pengendalian KPDNKK, manakala Akta Makanan 1983 diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang antaranya memantau sama ada makanan mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan, tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia dan pelabelan palsu.

Sementara itu, Perintah (Pengimportan) Haiwan 1962 diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menetapkan bahawa ternakan yang diimport hendaklah disembelih mengikut cara Islam dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul

34 Mohd. Yusof Abdul Rahman, dipetik daripada Portal berita KonsumerKINI. Carian daripada laman web <http://www.kunsumerkini.net.my/vl/index.php/mengenai-kunsumerkini>.

Rahman menjelaskan bahawa peraturan berkaitan halal di Malaysia lebih bersifat sukarela. Perangkaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyatakan sehingga Mei 2009, hanya 27 atau 1.4 peratus daripada kira-kira 2000 hotel di Malaysia yang memperoleh sijil halal JAKIM.³⁵

Sehingga kini, tidak terdapat peraturan yang mewajibkan pengeluar atau pengedar produk mendapatkan pensijilan halal. Pengeluar atau pengedar produk makanan sendiri yang menentukan sama ada mereka ingin memohon pensijilan halal ataupun tidak. Persatuan pengguna telah menyarankan agar diwujudkan akta yang khusus berkaitan halal yang mewajibkan pengeluar dan pengedar mendapatkan pensijilan halal sekiranya mereka ingin memasarkan produk termasuk makanan kepada orang Islam. Pada masa yang sama, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mungkin menghadapi masalah untuk mendapatkan sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Hal ini demikian kerana pensijilan halal Malaysia adalah berdasarkan standard Malaysia iaitu Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS1500). Antara keperluan standard ialah mematuhi peraturan asas Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Bagi pengeluar yang mempunyai kilang pemprosesan yang besar dan menggunakan mesin, mereka tidak mempunyai masalah dalam hal ini, namun pengusaha kecil agak sukar untuk memenuhi keperluan GMP tersebut. Untuk memantapkan proses pengeluaran pensijilan halal dan penguatkuasaan berkaitan halal, Bahagian Hab Halal JAKIM perlu dinaik taraf sebagai sebuah suruhanjaya atau perbadanan yang boleh dikenali sebagai Suruhanjaya Halal Malaysia atau Perbadanan Halal Malaysia. Organisasi ini merupakan satu-satunya badan yang diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil halal dan melakukan penguatkuasaan. Selain itu, dari aspek pengeluaran sijil halal dan penguatkuasaan, organisasi ini perlu dilengkapi dengan tenaga kerja yang mencukupi. Kesemua ini boleh direalisasikan melalui pengubalan Akta Halal.

Ketiga, pihak FOMCA mengesyorkan supaya satu Akta Antilambakan³⁶ diwujudkan di Malaysia bagi menjamin tidak berlakunya lambakan barangan yang mempunyai mutu yang rendah dan berbahaya kepada pengguna. Akta ini haruslah terpakai kepada barangan tempatan dan luar negara. Banyak barangan yang kurang bermutu atau mencemarkan alam sekitar dan ubat-ubatan serta racun serangga yang berbahaya yang tidak dibenarkan di negara maju dihantar ke Malaysia. Dengan adanya undang-undang ini, barangan yang dikeluarkan di Malaysia bagi kegunaan dalam negara akan setanding dengan barangan untuk tujuan eksport di samping dapat menjamin kepuasan pengguna bagi sesuatu barangan itu.

35 T. n., t.th. "Pengguna Perlu Lebih Maklumat" dlm. *Utusan Malaysia*, 15 Februari 2010.

36 Mohd. Hamdan Adnan, 2005. *Perjuangan Perundangan Pengguna*, hlm. 41.

Keempat, Akta Periklanan yang komprehensif perlu diwujudkan bagi melindungi pengguna. Hal ini demikian kerana peruntukan sedia ada belum dapat melindungi pengguna secara berkesan. Meskipun kerajaan telah memperkenalkan banyak undang-undang bagi melindungi pengguna, satu akta yang khusus bagi mengambil tindakan ke atas pengiklanan yang menyeleweng atau palsu masih belum diwujudkan berbanding sesetengah negara luar. Iklan di Malaysia dikawal oleh peraturan perlesenan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan dan melalui badan-badan pengiklanan yang mempunyai etika tersendiri, di samping peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 1972. Sebarang tindakan yang diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 hanya dapat dikuatkuasakan dalam segelintir kes sahaja dan masih belum meliputi pengawalan iklan palsu.³⁷

Oleh itu, pengeluar haruslah memberikan maklumat yang jujur dan terkini tentang barangan mereka yang diiklankan dan tidak hanya membuat sesuatu fakta demi kepentingan mereka sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna memerlukan maklumat yang jujur, lengkap dan terkini supaya mereka dapat membuat pemilihan yang terbaik sebelum membeli sesuatu produk. Peruntukan yang komprehensif mengenai iklan amat diperlukan kerana pada masa sekarang konsep iklan yang menekankan bahawa kehendak manusia perlu disertai dengan keupayaan dan kuasa untuk memilikinya adalah bertentangan dengan kehendak Islam. Sehubungan itu, satu peraturan yang lengkap haruslah digariskan bagi menjamin sesuatu urusan niaga itu dijalankan secara adil bagi melindungi pengguna. Pembentukan Jawatankuasa Pemantauan Iklan oleh kerajaan amat dialu-alukan bagi mengelakkan pengguna daripada berdepan dengan iklan yang mengelirukan mereka.

Kelima, unsur perlindungan alam sekitar harus diterapkan dalam undang-undang. Banyak pengeluar mengambil kesempatan melabel produk keluaran mereka sebagai “mesra alam”. Malaysia seharusnya menggubal suatu piawaian bagi penggunaan label “mesra alam” atau *eco-labelling*. Setakat ini, belum ada satu standard bagi menjamin sesuatu produk itu benar-benar mesra alam. Dalam konteks ini, FOMCA mencadangkan bahawa setiap kali sesuatu standard itu dikemas kini, standard tersebut harus diterapkan dengan unsur mesra alam.³⁸ Di samping itu, Malaysia perlu mempertimbangkan penubuhan Mahkamah Alam Sekitar seperti yang telah wujud di negara-negara lain. Contohnya di Bangladesh, mahkamah menerusi *Environment Court 2010* mempunyai bidang kuasa untuk memenjarakan pesalah sehingga lima tahun dan mengenakan denda setengah juta taka

37 Melati Mohd. Arif, 2005. “Pelbagai langkah untuk melindungi pengguna”. Carian daripada laman web <http://www.konsumerkini.net.my/vl/index.php/mengenai-konsumerkini>.

38 Hamdan, *t.th. Perjuangan Perundangan Pengguna*, hlm. 85.

(bersamaan RM22 400) bagi kesalahan pencemaran alam sekitar.³⁹

Akhir sekali, undang-undang perlindungan pengguna perlu digubal dalam bahasa yang mampu difahami pengguna dan hendaklah sentiasa dikemas kini. Suatu badan perlu dibentuk bagi memastikan perundangan bersifat semasa di samping tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Setiap peruntukan akta yang melindungi pengguna juga seharusnya tidak mengandungi percanggahan yang boleh membawa kerugian kepada pengguna. Oleh yang demikian, selain menggunakan bahasa yang mudah difahami pengguna, akta-akta ini juga haruslah melindungi pengguna secara total supaya hak-hak pengguna di Malaysia terpelihara.

Beberapa langkah positif telah diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berhubung dengan pengemaskinian undang-undang berkaitan pengguna dan penjagaan kepentingan pengguna. KPDNKK telah membentangkan cadangan pindaan lima akta di Dewan Rakyat bagi melindungi hak pengguna.⁴⁰ Lima akta yang terlibat adalah Akta Kawalan Harga 1946, Akta Perlindungan Pengguna 1946, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jualan Langsung 1993 dan Akta Sewa Beli. Akta Jualan Langsung akan dipinda dengan memasukkan kesalahan berkaitan skim piramid, skim gores dan menang, dan skim cepat kaya.⁴¹ Pindaan kepada Akta Sewa Beli pula dibuat bagi menyekat penindasan yang berlaku ekoran daripada aktiviti menarik dan melong kenderaan kerana didapati tidak ada ketelusan dalam pelelongan kereta. Akta tersebut perlu dipinda kerana lebih banyak memihak kepada syarikat perbankan yang memberi pinjaman kepada pembeli kenderaan. Pindaan akta tersebut akan memberi hak yang lebih adil kepada pengguna yang menghadapi masalah pembayaran hutang ansuran kereta mereka dan menghalang bank daripada melakukan pelbagai tindakan keterlaluan serta mengenakan pelbagai caj perkhidmatan kerana kegagalan pengguna melunaskan hutang ansuran. Pindaan Akta Hak Cipta pula adalah untuk memastikan penjualan dan pemilikan cakera padat digital (DVD) dan cakera padat video (VCD) cetak rompak dibanteras habis-habisan.

39 Noor Mohammad, 2010. "Need to Introduce the Evironmental Courts in Malaysia: A Study on Bangladesh Experience". Kertas Kerja *International Conference on Public Policies & Social Science*. 26-27 Mei 2010. Juga lihat laman web <http://www.thedailystar.net/newDesign/news-details.php?nid=155346>.

40 "KPDNKK akan pinda, perkenal akta baharu". Carian pada 27 Mac 2010 daripada laman web <http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/3/27/mstar%20berita/20100327155033&sec=mstar%20berita>.

41 Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata: "Syarikat-syarikat yang menganjurkan peraduan gores dan menang akan didenda sebanyak RM1 juta bagi kesalahan pertama berbanding antara RM250 000 hingga RM500 000 sebelum ini selaras dengan pindaan Akta Jualan Langsung 1967 baru-baru ini. Peningkatan jumlah denda itu bertujuan membendung kegiatan itu serta membela nasib mangsa-mangsa yang terpedaya. Sekiranya syarikat yang terlibat masih ingkar, maka jumlah denda itu akan ditingkatkan sebanyak sekali

Selain itu, KPDNKK membentangkan satu akta baharu iaitu Akta Persaingan 2010. Akta Persaingan 2010 yang bakal berkuat kuasa pada Januari 2012, selain dapat memastikan persaingan sihat dalam pasaran, akan memberi kelebihan kepada pengguna. Pelaksanaannya dilihat mampu memberi perlindungan dan kebaikan kepada pengguna dalam menyediakan kepelbagaian barangan atau perkhidmatan pada harga yang lebih kompetitif. Apabila wujud persaingan sihat, maka pengguna mempunyai pilihan sama ada ingin memilih harga yang murah atau sebaliknya. Akta ini juga memberi kelebihan kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) kerana syarikat-syarikat besar tidak boleh berpakat untuk menetapkan harga.

Akta Persaingan 2010 mengandungi dua larangan utama iaitu pertama, larangan terhadap perjanjian antipersaingan seperti penetapan harga serta perjanjian pembahagian pasaran. Kedua, larangan terhadap penyalahgunaan kuasa dominan pasaran sesuatu perusahaan dengan menetapkan harga belian atau jualan yang tidak adil atau penjualan barangan atau perkhidmatan di bawah kos. Menerusi akta tersebut, satu Suruhanjaya Persaingan terdiri daripada sembilan orang pegawai yang diketuai oleh seorang pengerusi yang akan dilantik oleh perdana menteri ditubuhkan. Penubuhan suruhanjaya ini adalah bagi memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan dijalankan dengan telus, teratur serta bebas daripada pengaruh luar.⁴² Kewujudan Akta Persaingan, walaupun agak lewat berbanding dengan negara lain yang lebih terkebelakang daripada Malaysia seperti Vietnam dan Kemboja, dapat mewujudkan persekitaran persaingan perniagaan yang lebih sihat. Pengguna dapat membuat pilihan produk dan perkhidmatan berdasarkan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

KPDNKK juga bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa bersama dengan kementerian lain bagi menyelesaikan masalah pengguna dengan cepat. Jawatankuasa tersebut perlu diwujudkan kerana kebanyakan aduan yang diterima oleh KPDNKK adalah di luar bidang kuasa mereka seperti kes rumah tidak siap atau terbengkalai yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jawatankuasa bersama itu akan dapat menyelesaikan masalah pengguna dengan lebih berkesan tanpa memerlukan pengguna menunggu terlalu lama untuk mendapat tindakan susulan daripada kementerian yang terbabit.

ganda kepada RM2 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya. Bagi individu pula, jika sabit kesalahan mereka boleh didenda maksimum RM250 000 dan penjara lima tahun bagi kesalahan pertama berbanding hanya denda RM100 000 dan penjara tiga tahun sebelum ini. Individu yang mengulangi kesalahan tersebut juga boleh didenda maksimum RM500 000 dan penjara 10 tahun bagi setiap kesalahan seterusnya," dipetik daripada *Utusan Malaysia* 9 Oktober 2010.

42 "Akta Persaingan 2010 Beri Kelebihan kepada Pengguna". Carian pada 30 September 2010 daripada laman web <http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/9/30/mstarberita/20100930134023&sec=mstarberita>.

Mulai Januari 2011, pengeluar, pengimport, pemborong serta peruncit barangan permainan kanak-kanak wajib memenuhi standard keselamatan yang ditetapkan sebelum menjual barangan tersebut di pasaran. Penguatkuasaan peraturan itu adalah untuk memastikan barangan yang dijual terjamin keselamatannya dalam kalangan kanak-kanak. Kerajaan menguatkuasakan tujuh standard keselamatan terhadap semua barangan permainan untuk kanak-kanak di bawah umur 14 tahun, sama ada yang diimport atau keluaran tempatan mulai Ogos 2010. Tujuh standard keselamatan tersebut adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam peraturan baharu di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Peraturan baharu yang dimaksudkan adalah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Sijil Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2009 dan Peraturan Perlindungan Pengguna (Standard Keselamatan Bagi Mainan) 2009.

Pelaksanaan standard mandatori dibuat bertujuan melindungi hak golongan kanak-kanak ketika bermain alat permainan terutamanya alat yang tidak menepati standard. Sehingga kini, lebih 19 buah negara membangun di seluruh dunia telah menetapkan standard mandatori untuk alat mainan. Sebagai permulaan di Malaysia, semua permainan yang baharu dikilang atau diimport mulai 1 Ogos 2010 wajib mematuhi peraturan dan penandaan Malaysian Conformity (MC*)⁴³ pada setiap unit barang, pembungkus, bekas atau kotak secara jelas. Mereka yang terlibat dengan industri perlu mengisytiharkan dan membuat perakuan dengan menunjukkan laporan makmal yang mengesahkan permainan itu selamat. Perakuan yang lengkap membolehkan mereka mendapat nombor rujukan KPDNKK sebelum penandaan MC* dibuat.⁴⁴

PENUTUP

Pengguna perlulah bersikap jujur kepada diri sendiri untuk melaksanakan prinsip kepenggunaan mengikut Islam bagi mencapai keredaan Allah. Pengguna harus berbelanja mengikut keutamaan, keperluan, kemampuan, dan bersederhana. Adab dan peraturan Islam yang lengkap dalam menjalankan urusan niaga secara adil yang tidak mempunyai unsur-unsur penipuan, judi, riba, eksploitasi, mengaut keuntungan berlebihan, sukatan tidak tepat dan berhemah adalah perundangan yang sempurna bagi melindungi semua pengguna di Malaysia. Konsep pengiklanan sekarang membangkitkan emosi pengguna dengan sifat gemar akan kemewahan, bersaing, mementingkan status dan kebendaan adalah bertentangan dengan prinsip kepenggunaan

43 MC* merupakan tanda bahawa mainan yang dijual telah mematuhi standard keselamatan kerajaan Malaysia.

44 Izara Abdul Rahman. "Standard Mandatori Demi Kebaikan Pengguna, Industri" dlm. *Star*, 20 September 2010.

Islam yang menekankan keserderhanaan. Barangan mewah dianggap membazir dan bertentangan dengan prinsip Islam. Pengeluaran barangan mewah akan menjejaskan kebajikan masyarakat. Oleh sebab itu, pengeluaran barangan mewah perlu dielakkan. Jika kos pengeluaran tersebut disalurkan untuk projek pembinaan rumah murah, lebih ramai orang akan menikmati keperluan asas dalam kehidupan. Akhirnya, cabaran pengguna masa kini bukan sekadar mencari alternatif barangan dan perkhidmatan yang halal, tetapi juga bersikap jujur dan amanah kepada diri sendiri. Segala urusan kehidupan manusia termasuk kepenggunaan mestilah dalam konteks untuk mencapai keredaan Allah SWT.

RUJUKAN

- Mohaji Selamat, 2005. "Urusan Jual Beli: Pengguna Masih Tidak Terlindung di Malaysia". Carian daripada laman web <http://malaysianbar.org.my/consumer-protection>.
- Mastura Mohd. Zain, 2006. "Perniagaan/Perdagangan Islam dan Perlindungan Pengguna di Malaysia." Carian daripada laman web <http://www.ikim.gov.my>.
- Nik Mustapha Nik Hassan, 2008. "Kepenggunaan Mengikut Islam". Carian daripada laman web <http://www.ikim.gov.my>.
- Datuk Dr. Syed Othman Alhasbshi, "Islam Menuntut Kecemerlangan dalam Perniagaan dan Keusahawanan". Carian daripada laman web <http://vlib.unitarkjlj.edu.my/staff-publications/datuk/CEMERLAN.pdf>.
- Afzir Muhamad Wazir, 2008. "Garis Panduan Makanan, Minuman dan Bahan Guna". Carian daripada laman web <http://www.jaipk.gov.my>.
- Rohani Abd. Rahim, 1992. "Konsep Syariah dan Undang-undang Mengenai Kepenggunaan". Kertas Kerja Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia. Pusat Islam, Kuala Lumpur. 16–17 Mei.
- Mohd. Hamdan Adnan, 2005. *Perjuangan Perundangan Pengguna*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Mohd. Hamdan Haji Adnan, 1987. *Kepenggunaan*. ITM: Biroteks.
- Afzalur Rahman, 1982. *Muhammad Encyclopaedia of Seerah*. Jilid II. London: The Muslim Trust Schools Trust.
- Wahbah al-Zuhaily, 1995. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan oleh Md. Akhir Haji Yaacob.